

**STRATEGI PELAKSANAAN
PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI PUSAT
PEMBELAJARAN**

NAMA PUSAT : LET'S GET CRAFTY
PUSAT/ FUNGSI : KRAF DAN KREATIF
TAJUK/ TEMA : TRAK COMEL SAYA

PERKARA	CATATAN	
STANDARD KANDUNGAN	KE 3.3	Menzahirkan idea kreatif dalam penghasilan karya seni (Ekspresi Kreatif)
STANDARD PEMBELAJARAN	KE 3.3.6	Menghasilkan karya kreatif menggunakan bahan kitar semula.
	SA 5.1.1	Menyatakan pelbagai sumber cahaya.
STREAM	S	Memahami proses membina trak
	T	Kotak, tutup botol, batang ais krim
	R	Kanak-kanak dapat berdikari, kerjasama, hormat menghormati dan bertolak ansur
	E	Kanak-kanak dapat membanding beza dari segi bentuk, saiz dan warna.
	A	Kanak-kanak menjana idea dan kreatif melalui hasil pengalaman sedia ada.
	M	Kanak-kanak dapat mempelajari bilangan besar kecil, panjang pendek, berat dan ringan
OBJEKTIF	Diakhir pembelajaran, kanak-kanak dapat menghasilkan karya seni (trak) menggunakan bahan kitar semula mengikut kreativiti masing-masing.	
BBM	Gunting, dan glue gun, mounting board, kertas warna, marker pen ,pasir sintetik serta aksesori tambahan.	
NILAI MURNI	Bekerjasama, berdikari, bertanggungjawab serta bertolak ansur.	

STRATEGI PELAKSANAAN

1. Kanak-kanak dibawa ke pusat pembelajaran.

PERKARA	CATATAN
	<p>2. Guru menerangkan kepada kanak-kanak tentang aktiviti yang akan dijalankan.</p> <p>3. Kanak-kanak juga telah diberi pesanan awal untuk membawa bahan-bahan terbuang yang ada dirumah seperti kotak saiz kecil dan sederhana, penutup botol dan batang aikrim</p> <p>4. Kanak-kanak dibahagikan kepada empat kumpulan besar.</p> <p>5. Kanak-kanak kumpulan pertama dan kedua melaksanakan aktiviti dengan membina dua buah model trak kontena daripada bahan kitar semula yang di bawa dari rumah masing-masing secara berkumpulan.</p> <p><u>Cara menghasilkan Model Trak Kontena</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Kumpulan satu dan dua <ol style="list-style-type: none"> i. Kanak-kanak menerangkan bahan-bahan yang digunakan untuk menghasilkan model trak kontena. ii. Kanak-kanak membalut kotak besar dan kecil dengan kertas mengikut warna yang disukai. iii. Kanak-kanak menggunting kertas warna atau pun “plastic transparent” untuk membentuk tingkap dan pintu pada kotak. iv. Kotak disusun untuk menjadi sebuah lori kontena mengikut bentuk dan saiz yang sesuai. v. Kanak-kanak menampal kertas warna yang telah digunting untuk membentuk tingkap dan pintu pada kotak. vi. Untuk membuat roda gunakan penutup botol mineral yang lukis atau diwarnakan, mengikut corak atau kreativiti kanak-kanak dan kemudian dikeringkan. vii. Setelah kering, letakkan gam pada penutup botol tadi dan tampalkan pada tepi kotak untuk membentuk sebuah roda pada setiap sisi. viii. Lukis corak mengikut kreativiti kanak-kanak untuk menghasilkan lori kontena yang sangat menarik dan comel. <p>6. Kanak-kanak menyusun lori ciptaan mereka untuk dipamerkan.</p> <p>7. Kumpulan tiga (3) dan empat (4) akan membina model tapak pelabuhan mengikut kreativiti mereka sendiri.</p>

PERKARA	CATATAN
	<p><u>Cara menghasilkan Model Tapak Pelabuhan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Kumpulan 3 & 4 i. Kanak-kanak menerangkan bahan yang akan digunakan untuk menghasilkan model tapak pelabuhan. ii. Kanak-kanak menggunakan teknik montaj atau pun kolaj. iii. Kanak-kanak melukis garisan simetri ke atas “mounting board” untuk dibahagikan kepada dua kawasan iaitu pelabuhan dan laut. iv. Kemudian,kanak-kanak menggunting gambar kapal laut ,ombak,laut dan jalan raya yang sedia ada. v. Kanak-kanak akan menampal setiap gambar yang telah digunting di “mounting board” mengikut kreativiti masing-masing. vi. Kanak-kanak juga membuat kolaj seperti meletakkan pasir sintetik pada atas permukaan “mounting” board tersebut. vii. Kanak-kanak mempamerkan hasil kerja mereka kepada rakan-rakan dan guru. <p>8. Model jentera trak kontena, diletakkan di atas model tapak pelabuhan.</p> <p>9. Guru memberi pujian kepada setiap reka cipta yang telah dihasilkan oleh kanak-kanak.</p> <p>10. Kanak-kanak bermain secara bergilir-gilir mengikut kumpulan masing-masing.</p>

Nota:

** guru boleh menyediakan abm berdasarkan pelbagai tema yang bersesuaian
Guru boleh menukarkan tema trak kepada lain seperti bush bush rumah api.*